

## Perspektif Orang Cina Terhadap Agama Islam di Malaysia: Satu Tinjauan Awal

Mohd Azhar Abd. Hamid<sup>a\*</sup>, Rosman Md. Yusuff<sup>a</sup>, Muhammed Fauzi Othman<sup>a</sup>, Mohd Koharuddin Balwi<sup>a</sup>

<sup>a</sup>Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia

\*Corresponding author: mazhara68hotmail.com

### Article history

Received :21 March 2011  
Received in revised form : 20 April 2012  
Accepted :15 December 2012

### Abstract

In general the Chinese are pragmatic for religions and beliefs. In Malaysia since independence until the 1969 racial conflict, religion is not a sensitive issue that alienate ethnic groups in Malaysia. After 1969, the socio-economic issues, socio-political and socio-cultural more have a place in race relations, especially between Chinese and Malays. However, the Chinese perspective on Islam has peaked in recent years. This situation occurs not only in Malaysia but in other places in the world due to public awareness of the rights and freedom of speech in the context of liberal-democratic society. Therefore, this article was written to highlights this issue within the framework of transformative learning theory. The author searched this issue on opinion and most previous studies are largely perception alone. This is because there is still an open and comprehensive study on this complex issue of 'Chinese perspective on Islam'. Therefore, this article explains in simple nature of the Chinese perspective on Islam in the frame of mind of the Malays. However, these discussions take into account the views of both Malay and Chinese writers. In general, the fundamental question that arises from the Chinese perspective on Islam is very much related to the premises 'Malay is Islam' and its relationship with the survival of the Malays as stated in the Constitution of Malaysia.

**Keywords:** Lerning transformation; transformation perspectives; Islamic religion; Malays; Chinese

### Abstrak

Pada umumnya orang Cina bersifat pragmatik terhadap agama dan kepercayaan. Di Malaysia sejak merdeka sehingga konflik kaum 1969, agama bukanlah isu sensitif yang merenggangkan hubungan kaum di Malaysia. Selepas tahun 1969, isu-isu sosioekonomi, sosiopolitik dan sosiobudaya lebih mendapat tempat dalam hubungan kaum khususnya antara orang Cina dan Melayu. Bagaimanapun, perspektif orang Cina terhadap agama Islam semakin memuncak sejak kebelakangan ini. Situasi ini berlaku bukan hanya di Malaysia, malah di tempat-tempat lain di dunia ekoran kesedaran masyarakat terhadap hak dan kebebasan bersuara dalam konteks masyarakat liberal-demokratik. Justeru itu, artikel ini ditulis bertujuan untuk mengupas isu ini dalam kerangka teori pembelajaran transformatif. Penulis menelusuri isi ini berdasarkan pandangan dan kajian lepas yang kebanyakannya hanyalah bersifat persepsi semata-mata. Hal ini kerana masih belum terdapat suatu kajian yang komprehensif dan terbuka tentang isu yang kompleks ini iaitu 'perspektif orang Cina terhadap agama Islam'. Oleh yang demikian, artikel ini secara sederhana menjelaskan *nature* perspektif orang Cina terhadap agama Islam dalam kerangka pemikiran orang Melayu. Sungguhpun begitu, perbincangan ini mengambil kira kedua-dua pandangan penulis Melayu dan Cina. Pada umumnya, persoalan dasar yang timbul daripada perspektif orang Cina terhadap agama Islam sangat berkaitan dengan premis 'Melayu adalah Islam' serta kaitannya dengan kelangsungan hidup orang Melayu seperti mana yang terwarta dalam Perlembagaan Malaysia.

**Kata kunci:** Pembelajaran transformasi; transformasi perspektif; agama Islam; orang Melayu; orang Cina

© 2012 Penerbit UTM Press. All rights reserved.

### ■1.0 INTRODUCTION

Artikel ini dimulakan dengan persoalan bagaimakah perspektif orang Cina terhadap agama Islam di Malaysia? Untuk memahami fenomena yang agak kompleks ini, penulis perlu menjelaskan penulisan ini dalam kerangka teori pembelajaran transformatif.

Menurut Mezirow (1978, 1991, 1995, 2003 dan 2009), orang dewasa menggunakan pengalaman lalunya untuk mengubah perspektif makna (sudut pandangan) dan skema makna (habit minda). Kepercayaan, nilai, sikap, prejedis, sentimen dan bias yang terbentuk dalam kerangka rujukan (*minds habit*) yang terbina hasil daripada pengalaman dan proses sosialisasi boleh

berubah menerusi refleksi kritikal dan dialog dan ia berlaku apabila tercetusnya dilema tidak terarah (*disorienting dilemma*) dalam diri individu (Mezirow, 1978, 1991 dan 2009). Menerusi refleksi kritikal, individu akan menilai semula andaian dan mengesahkan pengalaman lalu tersebut untuk membina perspektif makna yang baru atau pandangan dunia yang baru (*worldviews*). Persoalannya, adakah teori Mezirow (1978, 1991, 1998, 2000 dan 2009) dapat menjelaskan fenomena individu Cina Muslim yang telah memeluk Islam melalui proses pembelajaran transformatif? Buktinya, dalam pembelajaran transformatif hasil atau kesan pembelajaran adalah apabila berlakunya perubahan perspektif atau transformasi perspektif dan tindakan (Mezirow, 1978, 1991, 2003 dan 2009). Tindakan (*action*) yang diambil orang Cina Muslim untuk bertukar daripada kepercayaan lama kepada agama Islam merupakan salah satu bukti daripada hasil pembelajaran transformatif. Berdasarkan sorotan kajian, penulis mendapati perubahan sudut pandangan dan tindakan merupakan tema yang dipersetujui oleh penulis-penulis lepas.

Selain itu, untuk memahami perspektif orang Cina di Malaysia terhadap agama Islam, penulis menggalurkan fenomena yang membawa kepada pandang dunia (*world views*) yang kompleks orang Cina dalam konteks hubungan kaum khususnya antara orang Cina dan orang Melayu yang beragama Islam. Berdasarkan galur sejarah dapat diperhatikan pola hubungan dan sekali gus bagaimana kesan daripada pola hubungan tersebut membina perspektif atau pandang dunia orang Cina terhadap agama Islam di Malaysia.

Malaysia adalah sebuah negara majmuk yang terdiri daripada tiga kaum terbesar iaitu Melayu (54.2%), Cina (25.3%) dan India (7.5%) dan lain-lain (13.0%). Sungguhpun Malaysia dianggap sebagai sebuah negara yang aman, stabil dan harmoni dalam kategori negara majmuk, namun segelintir sarjana seperti Khoo Kay Kim (2007) menyatakan Malaysia berada dalam keadaan '*worrying and fragile state*', manakala Shamsul Amri (2005) pula menyatakan '*tegang tapi stabil*'. Justeru itu, berasaskan premis ini penulis akan menyorot artikel ini berdasarkan perspektif hubungan kaum di Malaysia khususnya antara Melayu-Islam dan Cina dalam konteks premis tersebut. Selain itu, kerangka penulisan ini lebih memberi fokus terhadap perspektif orang Cina sesuai dengan tajuk artikel ini.

## ■2.0 PERSPEKTIF ORANG BUKAN ISLAM

Di Malaysia, tidak banyak kajian yang dijalankan terhadap perspektif orang bukan Islam terhadap agama Islam, khususnya dalam kalangan orang Cina *per se*. Sebaliknya, terdapat banyak kajian dan penulisan terkini; sama ada oleh sarjana yang berkaitan dengan perspektif orang Cina terhadap orang Melayu atau sebaliknya dalam dimensi politik, ekonomi dan sosiologi, khususnya berkaitan dengan isu seperti kesan pilihanraya (Jayum dan Mohd. Agus, 2008), polarisasi (Noraini, 2007), komunikasi antara budaya (Faisal Ibrahim dan Zamri, 2007), integrasi kaum (Noraini, 2009), hubungan etnik (Razaleigh, 2009; Sri Rahayu, 2009; Salfarina et.al, 2009; Aida, 2008 dan Shamsul Amri, 2008), akomodasi antara etnik (Faisal Ibrahim dan Zamri, 2007), sikap dan kontak antara etnik (Ezhar, 2009), politik pendidikan (Brown, 2005) dan toleransi agama. Menurut Minah (2007), berdasarkan sorotan kajian belum terdapat penulis Melayu secara akademik dan terbuka yang mengkritik orang Cina berbanding penulis Cina yang berbau chauvinistik. Hal ini ada kaitan dengan ajaran Islam agar menjaga hati dan menghormati orang lain.

Justeru itu, kebanyakan daripada penulisan dan kajian yang dijalankan lebih memberi tumpuan terhadap hubungan kaum dan etnik di Malaysia dalam dimensi ekonomi dan keusahawanan (Chin, 2003), politik (Jayum dan Mohd. Agus, 2008) dan sosial

(Mansor et.al, 2006). Sehubungan itu, Shamsul Amri (2005) menyatakan, sungguh pun telah lebih 50 tahun Malaysia mencapai kemerdekaan, tetapi suasana dan hubungan sosial di Malaysia, khususnya antara masyarakat Melayu dan Cina sebagai 'tegang tetapi stabil' (*stable tension*). Manakala Lee (2009) menyifatkan di Malaysia, identiti sentiasa dilihat dalam bentuk polarisasi iaitu antara Melayu-Muslim dan bukan Melayu. Buktinya, polarisasi dan segregasi antara orang Melayu dan Cina masih jelas kelihatan dalam kebanyakannya sektor (Syed Husin, 2008b). Dalam konteks politik misalnya, amat jelas parti-parti politik didominasi oleh kaum tertentu UMNO dan PAS dimonopoli oleh orang Melayu, MCA, Gerakan, DAP majoriti ahlinya adalah orang Cina (Syed Husin, 2008b). Apatah lagi misi dan matlamat perjuangan mereka adalah untuk kepentingan kaum masing-masing. Begitu juga dalam sektor ekonomi, orang Cina masih mendominasi hampir keseluruhan sektor ekonomi sama ada yang berskala besar maupun kecil (Chin, 2003; Phang, 2000). Manakala orang Melayu sebahagian besarnya bekerja dalam sektor awam. Dalam sektor pendidikan pula, polarisasi dan segregasi dapat dilihat pada peringkat pra-sekolah lagi. Sekolah-sekolah vernakular dengan menggunakan bahasa ibunda masih wujud dan semakin mantap. 90 peratus kanak-kanak Melayu bersekolah di Sekolah Kebangsaan, manakala 90 peratus pelajar Cina bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan. Pada peringkat pendidikan tinggi khususnya di IPTS, 95 peratus daripada lebih 500 IPTS yang pelajarnya terdiri daripada orang Cina, selebihnya orang Melayu, India dan lain-lain. Beberapa kajian yang dijalankan di ITPA misalnya mendapati interaksi dan integrasi antara kaum masih belum memuaskan (Ramlee et al., 2009; Faisal dan Abdul Muat'i, 2009; Ezhar, 2009). Dari segi demografi dan kependudukan pula, majoriti orang-orang Cina tinggal di bandar-bandar besar, manakala orang Melayu dalam golongan menengah yang mampu membeli dan tinggal di bandar-bandar. Inilah realiti masyarakat majmuk yang digambarkan oleh Furnivall (1948: 304-305):

"…bahagian-bahagian yang berlainan dalam komuniti hidup sebelah menyebelah tetapi berasingan di dalam unit politik yang sama. Tiap-tiap kumpulan berpegang kepada agamanya, kebudayaan dan bahasanya sendiri...bahkan dalam bidang ekonomi pun terdapat pembahagian kerja mengikut garis ras."

Faktor polarisasi dalam hubungan etnik dalam konteks ekonomi, politik dan sosial yang dibincangkan telah mewujudkan faktor psikososial seperti prejudis, diskriminasi dan stereotaip antara kaum khususnya antara orang Cina dan Melayu (Sri Rahayu et al., 2009). Menurut Asrul (2002), Minah (2007), dan Noraini (2009) oleh kerana orang Melayu beragama Islam, maka secara tidak langsung perspektif orang Cina terbentuk daripada kefahamannya dan pengalaman mereka tentang orang Melayu itu sendiri. Oleh kerana hubungan kaum antara Melayu dan Cina sederhana, maka perspektif orang Cina terhadap agama Islam secara puratanya adalah sederhana. Bagaimanapun, perspektif negatif seperti stereotaip, prejudis dan diskriminasi dalam konteks ekonomi, politik dan sosial ini telah melebarkan jurang hubungan kaum dan sekali gus mewujudkan salah faham terhadap agama Islam (Noraini, 2009).

## ■3.0 ISLAM AGAMA RASMI DAN SALAH FAHAM TERHADAP ISLAM

Islam adalah agama yang paling disalahertikan oleh masyarakat bukan Islam, khususnya di Barat (Danial, 2007). Dalam konteks di Malaysia, sungguhpun Islam adalah agama rasmi Persekutuan sejak merdeka, namun persepsi kaum lain, khususnya masyarakat Cina tentang Islam masih negatif. Fenomena ini diakui oleh

penulis-penulis Melayu, Cina Muslim dan Cina seperti Ann Wan Seng (2009), Sheng (2008), Mazuen (2005), Asrul (2002), Mahayuddin (2001), Lee dan Tan (2000). Hal ini menurut kebanyakan daripada penulis-penulis ini, masyarakat Cina di Malaysia melihat Islam sebagai mundur, ekstrim, fundamentalis, konservatif dan mengongkong (Sheng 2008; Nuraisyah, 2006; Mazuen, 2005; Asrul, 2002; Mahayuddin, 2001).

Menurut Abdul Aziz Bari (2005), keadaan ini agak menghairankan kerana masyarakat bukan Islam khususnya Cina telah mengenali dan akur bahawa Islam adalah agama Persekutuan. Malah kebanyakan masyarakat Cina berpendidikan telah mengetahui akan sejarah kedatangan Islam dan kecemerlangan tamadun Islam di alam Melayu di sekolah dan universiti (Stone, 2003; Ahmad Redzuwan, 2003; Mahayuddin, 2001). Malah sejak merdeka, kerajaan menerusi pelbagai agensi dan kementerian telah berusaha menyalurkan maklumat dan memberi kefahaman secara tidak langsung tentang Islam kepada masyarakat bukan Islam dalam konteks pendidikan dengan penawaran subjek seperti pendidikan Islam, moral dan tassawur Islam serta penerapan nilai-nilai Islam dalam pekerjaan (Mohd. Azhar et al., 2006; Mohd Yusuf, 2003). Namun begitu, menurut Osman Chua (2005) kesannya masih belum menampakkan perkembangan yang baik kerana berlakunya pelbagai krisis dalam kalangan umat Islam (Maria, 2008; Zakaria, 2003; Asrul, 2002). Menurut Maria (2008) dan disokong oleh Engku Ahmad Zaki (2008) dan Mohd Yusuf (2003), segelintir orang Islam di Malaysia memaparkan tingkah laku yang buruk dan tidak beradab. Hal ini menyebabkan masyarakat bukan Islam khususnya masyarakat Cina tidak tertarik dengan Islam (Ann Wan Seng, 2009; Mohd Yusuf, 2003; Osman Chua, 1991).

Dalam konteks yang lain, beberapa isu yang membabitkan insiden sensitif seperti murtad dan pengislaman orang bukan Islam (Ann Wan Seng, 2009; Sheng, 2008; Abdul Aziz, 2005; Osman Chua, 2005) turut memberi kesan terhadap nama baik agama Islam. Sebaliknya, menurut Zulkiple (2002b), proses *de-Islamization* (proses penghakisan iman) yang berlaku menerusi pelbagai media massa seperti televisyen, majalah dan internet dengan menghidangkan pelbagai nilai negatif dan liar seperti adegan bercumbu, aurat lelaki dan wanita, berzina, meminum arak, keganasan yang melampau dan pelbagai unsur tahan yang kesemuanya bertentangan dengan nilai Islam (Mohd Yusuf, 2003). Keadaan ini ditambah pula dengan pelbagai aliran pemikiran Islam (Sulaiman, 1997; Abdul Rahman, 1998) dan fahaman liberalisme agama (Mohd Ridhuan Tee, 2010; Suratman Kastin, 2008; Mohammad Kamil et al., 2006) menjelaskan tahap penghayatan Islam dalam kalangan masyarakat Islam dan ia turut memberi kesan terhadap persepsi dan perspektif orang bukan Islam terhadap agama dan masyarakat Islam itu sendiri (Ann Wan Seng, 2009; Mohammad Kamil et al., 2006; Osman Chua, 2005; Zulkiple, 2002a; Asrul, 2002; Abdul Rahman, 1998). Selain itu, usaha dan pendekatan dakwah yang digunakan oleh pendakwah turut menyebabkan Islam tidak tersebar dengan berkesan dan menyeluruh (Ann Wan Seng, 2009; Fariza et.al., 2006; Osman Chua, 2005; Zulkiple, 2002a; Abdullah, 2000).

## ■4.0 TRANSFORMASI PERSPEKTIF TERHADAP AGAMA ISLAM

### 4.1 Cabaran Cina Muslim

Di Malaysia terdapat dua kategori Cina Muslim (Rosey, 2008). Pertama Cina Muslim yang datang daripada tanah besar Cina ke Melaka sejak 600 tahun dahulu. Kedua Cina Muslim yang dibesarkan dalam keluaraga Cina, mengamalkan cara hidup serta kepercayaan Cina (Rosey, 2008). Dalam artikel ini, penekanan

hanya diberikan kepada Cina Muslim dalam kategori yang kedua kerana tiga faktor iaitu (1) golongan ini hatinya kosong daripada sebarang ajaran agama walaupun mereka pernah mendengar pelbagai ajaran agama tetapi tidak menarik hatinya, (2) golongan yang mempelajari agama tetapi tidak beriman, dan (3) golongan yang berpegang kuat dengan ajaran agama (Idris, 1995). Justeru itu, transformasi perspektif terhadap agama Islam dalam kalangan individu Cina Muslim kategori kedua ini dan seterusnya bertukar daripada kepercayaan asal kepada agama Islam boleh dianggap sebagai suatu perubahan yang sangat besar dan radikal (Ann Wan Seng, 2009; Mazuen, 2005; Osman Chua, 2005; Mohd Syukri dan Osman Chua, 2003). Ia suatu pengorbanan yang besar kerana sanggup menanggung pelbagai risiko (Ann Wan Seng, 2009; Abd. Latif, 2007; Osman Chua, 2005; Mazuen, 2005; Idris, 1995). Hal ini kerana individu yang memeluk Islam ini lazimnya akan disisih, dipinggir dan dihalau dari rumah (Ann Wan Seng, 2009; Nuraisyah, 2006; Anuar, 2006; Mazuen, 2005; Osman Chua, 2005; Mohd Syukrie dan Osman Chua, 2003; Mahayuddin, 2001) dan dinafikan daripada mewarisi perniagaan dan harta pusaka keluarga (Anuar, 2006; Osman Chua, 2005). Ada pula yang diancam untuk dibunuhi (Ann Wan Seng; 2009; Osman Chua, 2005; Mazuen, 2005; Idris, 1995). Tambahan lagi, menurut Osman Chua (2005), Lee dan Tan (2000), dan Mohd Syukri dan Osman Chua (2003), masyarakat Cina memandang negatif kepada orang Cina yang memeluk agama Islam berbanding kepercayaan lain. Selain itu, menurut Mahayuddin (2001), terdapat juga dalam kalangan masyarakat Melayu, khususnya yang tinggal di kawasan pedalaman, masih bersikap negatif terhadap saudara baru. Golongan ini berpendapat, agama Islam hanya untuk orang Melayu sahaja (Syed Husin, 2008b; Abd Latif, 2007; Asrul, 2002; Mahayuddin, 2001). Mereka beranggapan, saudara baru memeluk Islam kerana mempunyai motif dan kepentingan tertentu (Osman Chua, 2005; Lam, 2004). Justeru itulah, dalam konteks pembelajaran transformatif, menurut Cranton (2006: 178):

"Transformative learning, the process of developing more open and better justified habits of mind, frees people from constraints and is a liberating experience. But in the journey there can be times of grief, pain, conflicts and feeling of loss of the old way of life."

### 4.2 Toleransi Agama

Syed Husin (2008b) berpendapat, sungguh pun agama merupakan antara elemen penting dalam hak istimewa orang Melayu, namun isu-isu ekonomi, politik dan sosiobudaya lebih mendominasi perspektif orang Cina terhadap orang Melayu. Shamsul (2005) bersetuju dalam hal ini dan menyatakan konflik yang berterusan antara orang Melayu dan Cina di Malaysia adalah disebabkan faktor bahasa, budaya dan ekonomi (Tan, 2000; Chin, 2003). Hal ini demikian menurut Ann Wan Seng (2008) kerana orang Cina bersikap fleksibel terhadap agama dan ia sesuai dengan sifatnya yang akomodatif dan sedia menerima perubahan. Tan (2000) pula dalam hal ini menegaskan, kepercayaan orang Cina digambarkan sebagai *polytheistic* iaitu ia tidak bersifat ekslusif, tersusun dan toleran (Razaleigh, 2009). Ia mengandungi kepelbagaiaan tradisi Cina seperti Konfucius, Buddha dan Taoisme. Lee (2009) pula menyatakan, agama dalam kalangan orang Cina berbeza-beza dari satu tempat ke satu tempat yang lain, dan dari individu ke individu. Ini bermakna agama dan budaya yang sama itu berbeza maknanya dalam pandangan orang Cina. Dengan kata lain, kepercayaan Cina merupakan suatu yang bersifat dinamik dan merupakan sebahagian daripada kehidupan mereka. Hal ini dipersetujui oleh Syed Husin (2008b), beliau menegaskan orang Cina tidak begitu kuat berpegang kepada kepercayaan dan ia tidak

meresapi segala aspek kehidupan sehari-hari, tidak seperti pengaruh Islam ke atas orang Melayu.

Tan (2000) dan disokong oleh Lee (2004) menyatakan berbanding agama, orang-orang Cina memiliki kesedaran politik dan sosial yang tinggi. Oleh itu, orang Cina agak kritikal terhadap isu-isu budaya dan bahasa berbanding isu agama (Ann Wan Seng, 2008; Lee, 2004; Osman Chua, 2003; Tan, 2000). Fenomena ini dapat dibuktikan menurut Tan (2000), orang Cina dan Melayu bebas mengamalkan agama, kepercayaan dan gaya hidup masing-masing. Justeru itu, dalam konteks majoriti orang Cina seperti di Kuala Lumpur, orang Melayu akan bertoleransi dan mengubahsuai dengan keperluan budaya dan kepercayaan orang Cina. Minah (2007) pula mendapati orang-orang Cina di Kelantan akan sensitif dengan obligasi orang Melayu terhadap keperluan agama Islam. Menurut Minah (2007), budi bahasa dan toleransi kaum bergantung kepada lokasi dan saiz kumpulan etnik. Tahaneem dan Abdul Rashid (2006) berpendapat sebaliknya, dan mereka dapati nilai dan budi bahasa orang Melayu merupakan faktor penting wujudnya toleransi beragama. Bagaimana pun, kajian Stone (2003) mendapati, umumnya orang-orang Cina di Malaysia lebih kritis terhadap agama Islam berbanding Kristian, contohnya apabila salah seorang ahli keluarga mereka memeluk Islam. Individu yang memeluk Islam tersebut sukar diterima oleh ahli keluarga sendiri. Menurut Nuraisyah (2006), keluarga akan mengambil masa yang agak lama untuk menerima ahli keluarga yang memeluk Islam. Sebaliknya, menurut Stone (2003), ibu bapa Cina tidak ambil kisah jika ahli keluarganya menggunakan atau memakai simbol-simbol agama Kristian berbanding agama Islam.

### **4.3 Perspektif Masyarakat Cina terhadap Agama Islam**

Dalam konteks di Malaysia, perspektif orang Cina terhadap agama Islam amat kompleks dan bukan melibatkan hanya satu faktor sahaja (Syed Husin, 2008b; Asrul, 2002). Hal ini kerana stereotaip, sentimen dan konflik ini telah berakar sejak zaman penjajahan Inggeris lagi menerusi dasar '*divide and rules*' iaitu pada awal abad ke-19 (Jayum dan Mohd. Agus, 2008; Chandra Muzaffar, 1997). Sungguhpun tidak semua streotaip ini benar, namun ia telah berakar sejak sekian lama dan agak sukar untuk dipadamkan (Chandra Muzaffar, 1997; Asrul, 2002). Apatah lagi menurut Syed Husin (2008b) kedua-dua nilai dan budaya amat berbeza. Tambahan lagi menurut Shamsul (2004) ia ditambah dengan jarak sosial yang semakin lebar.

#### **4.3.1 Konotasi Melayu adalah Islam**

Islam adalah agama Persekutuan dan majoriti yang beragama Islam adalah orang Melayu (Abdul Aziz, 2005; Asrul, 2002). Selain itu, agama Islam turut dianuti oleh orang Cina, India, bumiputera Sabah dan Sarawak dan lain-lain. Menurut Syed Husin (2008b), fenomena ini agak unik berbanding mana-mana negara di dunia. Hal ini demikian kerana dalam perlembagaan Persekutuan definisi Melayu adalah Islam. Menurut Abdul Aziz (2005), perlembagaan mentafsirkan apabila seseorang itu Melayu daripada segi definisinya, maka ini bermakna ia mestilah beragama Islam. Justeru itu, fenomena Melayu adalah subset kepada Islam ini telah menimbulkan polemik dan perdebatan yang berpanjangan sehingga kini. Menurut Mohd Ridhuan Tee (2010), Abdul Hadi (2005), dan Osman Chua (2005), perspektif orang bukan Islam terhadap agama Islam turut dipengaruhi oleh premis Melayu itu Islam. Asrul (2002) bersetuju dengan pendapat Engku Ahmad Zaki (2008), Abdul Hadi (2005) dan Mohd Yusuf (2003) menambah bahawa orang bukan Islam di Malaysia memahami Islam menerusi individu Melayu itu sendiri. Hal ini diakui oleh Ann Wan Seng (2008), Osman Chua (2005) dan Mohd Ridhuan Tee (2010) menyatakan dalam konteks Malaysia, orang Melayu

menjadi rujukan kepada agama Islam. Maka secara tidak langsung menurut Engku Ahmad Zaki (2008) dan Mohd Yusuf (2003), pengertian agama Islam difahami oleh orang bukan Islam menerusi penganutnya iaitu orang Melayu. Inilah gambaran permukaan yang paling mudah untuk membentuk '*public opinion*' tentang agama Islam oleh orang bukan Islam khususnya dalam kalangan orang Cina. Oleh yang demikian, menurut Engku Ahmad Zaki (2008) dan Ahmad Yusuf (2003) definisi Melayu itu Islam sangat berat konotasinya dalam masyarakat majmuk di Malaysia kerana ia membawa konotasi agama dan budaya sekali gus (Mohd Azhar dan Muhammad Fauzi, 2003). Dalam situasi ini, Shamsul Amri (2003) menjelaskan bagaimana masyarakat bukan Melayu turut mengambilkira elemen agama, bangsa dan budaya orang Melayu sebagai suatu entiti bagi memahami keseluruhan cara hidup masyarakat Melayu. Menurut Tan (2004) '*masuk Islam*' bermaksud '*masuk Melayu*' dan atas sebab itulah orang Cina yang memeluk Islam tidak disukai oleh orang Cina (Mohd Ridhuan Tee, 2010; Ann Wan Seng, 2009; Osman Chua, 2005; Idris, 1995). Sedangkan menurut Ann Wan Seng (2009) terdapat hampir 20 juta penduduk Islam di negara China. Mohd Ridhuan Tee (2006), menyifatkan Islam disamakan dengan Melayu, Melayu disamakan dengan Islam merupakan suatu proses sosialisasi politik yang telah sekian lama berakar dalam kalangan masyarakat di Malaysia dan menurut Osman Chua (2005) salah faham ini perlu diperbetulkan. Mohd Ridhuan Tee (2006; 2010) menegaskan, pengaruh Melayu tidak banyak mempositifkan imej agama yang dianuti oleh orang Melayu, tetapi menjadi mengelirukan lagi apabila agama Islam disamakan dengan bangsa Melayu. Apabila persepsi ini telah bertapak dalam sanubari masyarakat Cina akhirnya sesuatu perkara yang baik dalam agama yang ingin disampaikan kepada mereka tidak kesampaian. Dalam hal ini, Asrul (2002: 29) menggambarkan stereotaip masyarakat Cina terhadap orang Islam seperti berikut:

"… majoriti Cina yang melihat Islam sebagai agama mundur kerana di Malaysia, semua Melayu adalah Muslim. Tapi Melayu dipandang sebagai orang mundur, bangsa santai dan menetap, dan tentu saja tidak banyak di antara mereka telah menunjukkan potensi mereka untuk menjadi yang terbaik. Citra muslim umumnya digambarkan berada dalam kemiskinan, kebodohan dan umumnya lemah. Pemuda mereka terjebak dengan dadah, salah laku, berpura-pura sakit, malaise, kenakalan dan bahkan AIDS. Orang Melayu, miskin, tidak berpendidikan dan suka berkongsi. Untuk membina tempat ibadah mereka sendiri bahkan memerlukan kemahiran, kepakaran dan tenaga kerja dari bukan Muslim. Profesional di negeri ini didominasi oleh bukan Muslim. Perniagaan, telah didominasi oleh mereka yang lebih lama dan sebahagian besar, serta prestasi pendidikan dan akademik yang lebih baik. Ringkasnya, kuasa politik masih di tangan orang Muslim, namun selebihnya dikuasai oleh non-Muslim."

#### **4.3.2 Perbezaan Sosiod budaya**

Perbezaan adat resam, norma dan sistem nilai antara masyarakat Cina dan Melayu turut memberi kesan terhadap perspektif masyarakat Cina (Razaleigh, 2009; Syed Husin, 2008b; Mohd Syukri Yeoh dan Osman Chua, 2003) terhadap agama Islam. Agama Islam misalnya menyembah Allah S.W.T. dan melarang penganutnya menyembah patung. Manakala orang Cina menyembah patung dan roh nenek moyang. Menurut Razaleigh (2009), makanan turut menjadi kekangan dalam interaksi dan integrasi antara orang Cina dan Melayu. Khinzir adalah haram dan binatang sembelihan selain daripada orang Islam adalah haram dimakan. Sebaliknya, khinzir merupakan makanan tradisi orang Cina. Justeru itu, orang Islam tidak akan ke restoran Cina untuk menjamu selera. Bagaimana pun sekarang ini telah wujud kesedaran tentang isu makanan halal. Malah tanda halal menjadi

semakin penting dalam urusan jual beli di Malaysia (Razaleigh, 2009).

Stereotaip tersebut jelas menunjukkan bahawa perspektif orang bukan Islam khususnya Cina masih negatif dan bersifat chauvinis (Syed Husin, 2008b; Mohd Syukri Yeoh dan Osman Chua, 2003) terhadap masyarakat Melayu dan agama Islam, dan begitu juga sebaliknya. Buktinya, menurut Hashim (2010) terdapat banyak lawan sesawang dan facebook yang dibangunkan untuk tujuan memburuk-burukkan agama Islam seperti <http://www.analysismalaysia.com>. Bagaimana pun, menurut Syed Husin (2008b), hal ini berlaku disebabkan oleh kedua-dua kaum ini masih tidak mengetahui tentang sistem nilai dan kepercayaan masing-masing. Kajian yang dijalankan oleh Aminuddin (2006) menunjukkan perspektif pelajar Cina di UTM terhadap agama Islam bercampur baur. Sebahagian daripada responden berpersepsi positif, manakala sebahagian yang lain pula berpersepsi negatif terhadap agama Islam. Ab. Aziz (2003) pula menyatakan, kebanyakannya daripada responden tidak berminat untuk mengetahui tentang Islam dengan lebih lanjut kerana tidak ada keperluan bagi mereka mengetahuinya. Menurut Aminuddin (2006), sebahagian daripada responden ingin mengetahui lebih mendalam tentang agama Islam, namun maklumat sangat terhad. Razaleigh (2009) pula menyatakan, nilai agama turut memberi kesan terhadap interaksi dan integrasi antara orang Melayu dan Cina. Contohnya, amat sukar untuk melihat orang Islam pergi ke tokong, dan orang Cina juga jarang datang ke masjid dan menyertai aktiviti yang dijalankan. Fenomena ini turut disokong oleh kajian Ab. Aziz (2003) yang mana mereka mendapati orang-orang Cina yang tinggal berdekatan masjid tidak berminat untuk menyertai aktiviti yang dijalankan oleh jawatankuasa masjid.

Justeru itu, faktor-faktor tersebut selain daripada faktor konotasi 'Melayu itu Islam' dan 'Islam itu Melayu' turut memberikan pelbagai perspektif kepada kalangan masyarakat Cina di Malaysia (Syed Husin, 2008b; Mohd Ridhuan Tee, 2006; Mohd Syukri Yeoh dan Osman Chua, 2003; Asrul, 2002). Peratusan masyarakat Malaysia khususnya Cina memeluk Kristian lebih ramai berbanding Islam (Mohd Syukri Yeoh dan Osman Chua, 2003; Stone, 2003; Ismail, 2000). Selain daripada faktor peribadi dan sosiobudaya, situasi ini juga ada kaitan dengan dasar penjajah seperti Portugis, Belanda dan Inggeris di Tanah Melayu iaitu antara lain 'mendinginkan pengaruh Islam' dan dalam masa yang sama menyebarkan Kristian (Mahayuddin, 2001; Idris, 1995).

#### **4.3.3 Konflik Melayu dan Cina: Isu-isu Berkaitan Agama**

Sejak awal kedatangan orang Cina ke tanah Melayu, tiada direkodkan konflik antara orang Cina yang berkaitan dengan agama Islam berbanding konflik dengan orang Melayu seperti mana konflik kaum pada tahun 1969 (Shamsul Amri, 2003; Syed Husin, 2008b). Pada pandangan orang Cina dan orang Melayu sendiri, agama bersifat eksklusif dan didominasi oleh kaum (Osman dan Cheng, 1997). Justeru itu dalam konteks di Malaysia, menurut Tahaneem dan Abdul Rashid (2006) sebahagian besar orang Islam dan bukan Islam memegang prinsip '*non-interference*' dalam hal agama dan budaya dan prinsip 'perkongsian kuasa' (Mohd Ridhuan Tee, 2010; Shamsul Amri, 2003). Inilah yang telah memberi kesan terhadap keharmonian dan keamanan antara agama dan kaum di Malaysia. Secara sederhana, bolehlah dibuat kesimpulan bahawa orang Melayu beragama Islam, orang Cina beragama Buddha. Sungguhpun pada ketika ini agama Buddha bukanlah menjadi asas pegangan orang Cina secara majoriti (Lee, 2009) dan mereka amat mudah melakukan inovasi terhadap kepercayaan mereka (Aminuddin, 2006).

Namun begitu, kesedaran tentang hak asasi manusia secara global telah mendorong orang Cina menyuarakan pandangan dan

perspektif mereka terhadap toleransi beragama di Malaysia (Nathaniel dan John, 2008) apatah lagi selepas pilihnraya 2008 (Jayum dan Mohd. Agus, 2009). Menurut Syed Husin (2008b) semenjak 2006, pelbagai isu yang berkaitan dengan toleransi agama timbul yang melibatkan orang bukan Islam termasuklah orang Cina. Walau bagaimanapun, menurut Ridell (2005), tiada konflik dilaporkan antara orang-orang Cina terhadap agama Islam secara keseluruhananya, melainkan orang Cina yang beragama Kristian. Bagaimana pun menurut Ann Wan Seng (2009), usaha-usaha terancang yang dilakukan oleh pihak Barat untuk memburuk-burukkan Islam tidak memberi kesan terhadap proses dakwah dalam kalangan orang Cina. Sebaliknya, ia menjadi satu rangsangan untuk orang Cina mendapatkan maklumat tentang agama Islam daripada pelbagai sumber yang lebih berautoriti. Laporan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Amerika Syarikat berkaitan Kebebasan Agama Dunia (USCIRF, 2008) melaporkan kebanyakannya daripada orang bukan Islam termasuklah Cina boleh mengamalkan kepercayaan mereka di Malaysia tetapi dengan beberapa sekatan. Laporan ini menggambarkan toleransi beragama di Malaysia kurang memuaskan dan hal ini disebabkan kerajaan terlalu protektif terhadap agama Islam.

Pada akhir tahun 1980-an, Islamisasi telah menjadi konflik antara orang bukan Melayu, khususnya orang Cina terhadap agama Islam (Mohd Yusuf, 2003). Di bawah pemerintahan perdana Menteri ke-4, dasar Islamisasi telah melahirkan Universiti Islam, sistem kewangan dan perbankan Islam, insurans berdasarkan Islam – Takaful. Selain itu beberapa agensi kerajaan telah ditubuhkan seperti Yayasan Ekonomi Islam, PERKIM, Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) dan Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM). Misi awal PERKIM misalnya menurut Nash (1991) adalah memberi tumpuan dakwah terhadap orang-orang Cina untuk memeluk agama Islam. Menurut Ann Wan Seng (2009), strategi ini berkesan kerana orang Cina yang paling ramai memeluk Islam di Malaysia. Menurut Ismail (2000), Idris (1995) dan Ghazali (1990), gerakan mualigh Kristian yang kebanyakannya dipimpin oleh orang Cina menyuarakan bantahan dan ketidakpuasanhati terhadap dasar tersebut. Menurut mereka Islamisasi secara tidak langsung akan mendiskriminasikan agama dan sistem kepercayaan lain (Ridell, 2005; Mohd Yusuf, 2003).

Isu-isu yang berkait dengan masalah hukum, amalan dan praktis masyarakat Islam turut dipersoalkan oleh masyarakat Islam sendiri seperti konsep negara Islam, emansipasi wanita, poligami, hukum hudud, hukum jenayah, hukum menutup aurat dan termasuklah perkara-perkara kurafat (Syed Husin, 2008b; Abdul Hadi, 2005; Mohd Yusuf, 2003; Mohamad, 2002). Malah sejak sedekad yang lalu, muncul kelompok 'Islam liberal' yang sering mempertikai dan mempolemik isu-isu poligami, emansipasi wanita, kebebasan beragama dan pluralisme agama (Mohammad Kamil et al., 2006). Selain itu, munculnya pelbagai bentuk ajaran sesat seperti ajaran Ayah Pin, nabi Melayu dan amalan-amalan khurafat serta bida'ah sedikit sebanyak menyebabkan agama Islam di mata orang bukan Islam tercalar (Mohammad Kamil et al., 2006; Abdul Basir, 2002; Hassan, 2002; Muhammad Uthman, 2003; Mohammad, 2000). Ekoran daripada beberapa isu dan permasalahan yang melanda ini, orang bukan Islam khususnya orang Cina khususnya DAP, berani bersuara dan sekali gus tidak mengiktiraf bahawa Malaysia adalah sebuah Negara Islam (Mohd Ridhuan Tee, 2010; Mohd Yusuf, 2003; Lee dan Heng, 2000) dan tetap menegaskan bahawa Malaysia adalah sebuah negara liberal-sekular (Lee dan Heng, 2000). Kesemua fenomena tersebut ditulis dan disorot oleh masyarakat Cina menerusi media massa berbahasa Cina dan ini sekali gus mengukuhkan lagi perspektif negatif masyarakat Cina terhadap agama Islam.

Pelbagai dasar yang diwartakan oleh kerajaan adalah bertujuan untuk membawa kepada keharmonian dan perpaduan kaum serta menyihirkan perspektif negatif terhadap agama Islam

(Mohd Yusuf, 2003, Shamsul Amri et al., 2003). Justeru itu, pelbagai dasar ini bertujuan untuk merapatkan jurang polarisasi antara kaum serta dapat membantu mengukuhkan perpaduan masyarakat majmuk di Malaysia (Shamsul Amri et al., 2003; Haris, 1990). Dasar-dasar kerajaan turut memberi pendedahan secara implisit dan eksplisit kepada orang bukan Islam untuk mengetahui tentang Islam (Asrul, 2002). Menurut Mohd Yusuf (2003) pendedahan sedikit sebanyak tentang Islam ini diharapkan dapat mengubah perspektif dan membuka pintu hati orang bukan Islam untuk mengetahui lebih mendalam tentang kesyuminan Islam. Antara dasar yang telah diperkenalkan seperti Dasar Kebudayaan Kebangsaan, penerapan nilai-nilai Islam dan Islam hadhari (Mahmood Zuhdi, 2003). Justeru itu, pelbagai dasar yang digubal secara tidak langsung bertujuan antara lain memberi pendedahan terhadap transformatif perspektif orang bukan Islam terhadap nilai-nilai Islam dalam kehidupan sosial (Mohd Yusuf, 2003). Sungguhpun tujuan utamanya adalah untuk membina perpaduan dan keharmonian antara kaum, tetapi ia juga memberi pendedahan nilai-nilai Islam kepada orang bukan Islam. Namun begitu, Dasar Kebudayaan Kebangsaan (DKK) misalnya, telah mendapat bantahan dan tentangan daripada orang bukan Melayu khususnya Cina pada tahun 1983 (Razaleigh, 2009) menerusi 'Memorandum Bersama Tentang Budaya Kebangsaan'. Mereka mendakwa, DKK hanyalah untuk memaksakan nilai-nilai Melayu-Islam ke atas orang bukan Islam dan sekali gus menyebabkan budaya komuniti Cina terpinggir. Malah selepas itu deretan bantahan ketidakpuasan hati orang-orang bukan Islam termasuklah orang Cina terhadap pelbagai dasar, peraturan dan elemen pembelajaran yang diperkenalkan dalam kurikulum pendidikan (Mohd Yusuf, 2003).

Khoo (2007) menegaskan bahawa agama tetap merupakan faktor yang sedikit sebanyak merenggangkan hubungan antara etnik. Justeru itu, agama tetap merupakan suatu aspek kehidupan penduduk Malaysia yang sangat sensitif. Isu negara Islam, hukum hudud, laungan azan, penggunaan nama Allah dalam Bible versi bahasa Melayu, tanda halal pada makanan dan premis perniagaan, perebutan mayat saudara baru, orang bukan Islam membaca al-Quran, isu berjabat tangan dan penggunaan cukai untuk pembiayaan aktiviti agama Islam memberi impak yang berpanjangan terhadap perspektif dalam kalangan masyarakat Cina di Malaysia. Terbaru Presiden MCA telah berucap pada Konvensyen Tahunan ke-33 MCA Kedah di Alor Star (*Malaysiakini*, 8 Ogos 2010) ada memberikan tanggapan negatif, kyonnya negara-negara Islam itu tidak progresif, korup, miskin dan terkebelakang. Malah beliau turut membidas kyonnya Umno dan PAS telah menggunakan agama bagi meraih sokongan di kalangan masyarakat Melayu. Mohd Ridhuan Tee (2010) pula menyifatkan perspektif orang Cina terhadap agama Islam turut dipengaruhi oleh artikel dan penulisan akhbar-akhbar ultra Cina seperti China Press, Sin Chew Jit Poh dan Nanyang Siang Pau. Menurut Mohd Ridhuan Tee (2010) oleh kerana sangat sedikit orang Cina yang membaca akhbar berbahasa Melayu seperti Utusan Malaysia dan Berita Harian, maka maklumat tentang agama Islam diperolehi menerusi akhbar-akhbar tersebut yang disifatkan terlalu sempit dan bias. Pandangan Mohd Ridhuan Tee (2010) turut disokong oleh Tahaneem dan Abdul Rashid (2006) dengan menyatakan perspektif orang bukan Islam khususnya Cina banyak bergantung kepada media. Malah sejak berlakunya beberapa insiden seperti isu lagu NegaraKu, penggunaan nama Allah dan resolusi MCA 2010, internet menjadi medan khususnya golongan muda Cina mencaci dan mencerca agama Islam. Gambaran sebenar tentang agama Islam sangat mudah diperolehi menerusi medium tersebut apatah lagi terdapat penulis yang bukan pakar dalam bidang pengajian Islam. Mohd Ridhuan Tee (2010) menyatakan agak ironis bila mana, media arus perdana berbahasa Melayu turut berperanan mengukuhkan persepsi

masyarakat Cina terhadap agama Islam. Justeru menurut Mohd Ridhuan Tee (2006), persepsi masyarakat Cina menjadi semakin serius apabila media memperbesar-besarkan (sensasi) isu-isu yang berhubung kait dengan agama Islam dan bangsa Melayu, terutama pertelaghan politik antara kerajaan (UMNO) dan pembangkang (khasnya PAS dan Keadilan). Isu agama dipergunakan sewenang-wenangnya tanpa memikirkan akibat dan kesan yang akan berlaku terhadap agama dan bangsa. Sekali lagi faktor ini menjadikan Islam tidak dapat dimartabatkan dengan sewajarnya.

Fenomena ini bukan sahaja berlaku di Malaysia malah di negara-negara ASEAN yang lain seperti Indonesia, Filipina, Thailand dan Singapura (Suryadinata, 1997). Tahaneem dan Abdul Rashid (2006) turut mengakui hal ini dan beliau turut menyifatkan pengetahuan orang bukan Islam di Malaysia tentang Islam kebanyakannya berasaskan media. Malah menurut mereka, dalam perspektif global, banyak daripada literatur yang ditulis oleh penulis bukan Islam hanyalah untuk memburuk-burukkan Islam. Di Malaysia menurut Mohd Ridhuan Tee (2010) faktor media turut melebarkan jurang antara orang Islam dan orang bukan Islam. Sebagai bukti, Mohd. Mohd Ridhuan Tee (2010) menyatakan pada hari ini penduduk Cina di Malaysia berjumlah 6.5 juta orang dan jumlah yang memeluk Islam tidak sampai satu peratus (Ismail, 2000). Ini menurutnya jumlah orang Cina yang memeluk Islam sangat perlaha berbanding Kristian (Osman Chua, 2003). Menurut Asrul (2002: 26) Orang Cina berpendapat "...Christianity, it is associated with progress in the modern world". Menurut Suryadinata (1997: 92):

"The Chinese are fast becoming Christians. Many of Chinese elite are abandoning their ancestral religions in favor of the more modern Christianity. Many Chinese tycoons have become Christians. A growing number of overseas Chinese business people are Chinese are Christians, and often they are fundamentalist."

Hal ini menurutnya ada kaitan dengan cara bagaimana kita 'menjual' Islam yang disifatkannya sebagai bersifat keetnikan, kemelayuan dan kearaban (Mohd. Mohd Ridhuan Tee, 2010). Malah menurut Nagata (1974), orang Cina Kristian adalah subkumpulan khas yang sentiasa mencari jemaah orang Cina yang sesuai, baik di mana sahaja. Dengan berbuat demikian, mereka juga cuba mencari sokongan untuk meningkatkan status dan meyakini identiti mereka.

Perbezaan adat resam, norma dan sistem nilai antara masyarakat Cina dan Melayu turut memberi dampak negatif terhadap perspektif masyarakat Cina (Razaleigh, 2009; Syed Husin, 2008b; Osman Chua, 2003). Menurut Osman Chua (2003) dan Abdullah (2000) apabila orang Cina memeluk Islam, mereka perlu mengubah tatacara kehidupan seperti yang dikehendaki Islam. Mereka terpaksa meninggalkan tabiat yang telah berakar sejak sekian lama seperti minum arak, berjudi, makan babi dan sebagainya (Nuraisyah, 2006; Mazuen, 2005; Osman Chua, 2003). Mereka juga dimestikan menutup aurat, berkhatan dan berpuasa (Osman Chua, 2003; Asrul, 2002). Hal ini berbeza dengan Kristian tidak menganjurkan perubahan cara hidup dan masih boleh mencampuradukkan kepercayaan Kristian dengan kepercayaan lama Cina (Ann Wan Seng, 2009; Stone, 2003). Ini adalah daya tarikan utama kepada orang Cina untuk menganut agama Kristian dan tidak berminat dengan Islam (Osman Chua, 2003; Abdullah, 2000). Dalam konteks lain, etnosentrisme menyebabkan masyarakat Cina melihat bahawa budaya dan warisan masyarakat Cina perlu dipertahankan dan diwarisi (Sheng, 2008; Mansor et.al, 2006; Stone, 2003; Osman Chua, 2003; Tan, 2000). Apatah lagi menurut Rabuskhha (1973) perasaan etnosentrisme lebih tebal dalam kalangan masyarakat Cina berbanding Melayu.

Sungguhpun wujudnya proses asimilasi dan integrasi kaum di Malaysia (Abdul Aziz, 2005), namun sebagai kaum minoriti warisan budaya orang-orang Cina perlu kekal dan dilanjutkan (Yi, 2008; Voon, 2007; Tan, 2000). Etnosentrisme inilah yang menyebabkan orang-orang Cina sukar mengadaptasikan dirinya dengan budaya lain contohnya Melayu, khususnya Islam (Mansor et.al., 2006; Osman Chua, 2003). Apatah lagi menurut Findley (2001), lima stereotaip yang menghalang kerjasama dan membina keharmonian antara Islam dan bukan Islam iaitu apabila Islam dikaitkan dengan keganasan dan fanatisme, tidak bertolak ansur kepada orang bukan Islam, tidak berlaku adil kepada wanita, bermusuhan dengan sistem demokrasi dan menyembah 'alien' (*vengeful deity*).

Atas alasan inilah, masih tidak ramai masyarakat Cina yang tertarik kepada agama Islam dan bukti paling jelas adalah masyarakat Cina Baba di Melaka yang wujud sejak zaman kesultanan Melayu Melaka (Asrul, 2002). Sungguhpun mereka telah terasimilasi dalam budaya Melayu tetapi masih tetap mengamalkan kepercayaan tradisional mereka (Asrul, 2002). Sebaliknya, Kristian lebih mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Cina (Osman Chua, 2003; Asrul, 2002). Bagi mereka yang telah menjadi saudara baru pula terdapat segelintir daripada mereka yang diabai, didiskriminasi dengan pelbagai gelaran dan terbiar tanpa dipedulikan (Ann Wan Seng, 2009; Farahwahidah et.al., 2008; Osman Chua, 2003). Akibatnya, terdapat saudara baru yang kembali kepada agama asal (murtad) (Ann Wan Seng, 2009; Farahwahidah et al., 2008). Asrul (2002) pula menegaskan tumpuan ulamak dan *da'i* lebih kepada dakwah dalam kalangan masyarakat Melayu sendiri dan adakalanya pendekatan dakwah tidak menggunakan pendekatan yang berhikmah. Secara tidak langsung perspektif masyarakat Cina menjadi semakin menebal. Mengapa stereotaip, sentimen dan konflik ini masih berlaku sehingga kini? Syed Husin (2008) menyimpulkan:

- (a) Perbezaan dan konflik nilai, budaya dan kepentingan. Kedua-dua etnik memiliki budaya, sistem kepercayaan dan nilai yang berbeza. Masih ramai orang Cina yang tidak mengetahui dan memahami nilai, budaya dan sistem kepercayaan orang Melayu dan begitulah sebaliknya. Misalnya, orang Cina yang menternak babi telah mengotorkan sumber air iaitu sungai. Manakala bagi masyarakat Melayu pula pencemaran sungai oleh najis babi menyebabkan sukar bagi mereka untuk beribadat.
- (b) Kefahaman dan pengetahuan yang cetek tentang nilai, budaya dan sistem kepercayaan ini telah mewujudkan stereotaip dalam kalangan mereka. Orang Melayu beranggapan orang Cina pengotor, suka menipu dalam perniagaan dan hanya memikirkan tentang wang serta keuntungan. Manakala orang Cina pula berpandangan orang Melayu pemalas, tidak amanah dan suka akan keseronokan.
- (c) Konflik kepentingan yang berlaku dalam sektor ekonomi dan politik. Dalam konteks politik orang Melayu menguasai hampir sebahagian besar jawatan-jawatan utama dalam kabinet dan pemerintahan negara. Ini bermakna kuasa pembuatan keputusan adalah terletak di tangan orang Melayu. Justeru itu, pelbagai kelebihan yang diperolehi oleh orang-orang Melayu seperti dalam perniagaan, pendidikan, biasiswa, keagamaan, perjawatan dan sebagainya. Orang bukan Melayu juga terpaksa berdepan dengan pegawai dan pentadbir Melayu dalam pelbagai urusan khususnya perniagaan. Hal ini amat menyukarkan mereka. Malah

dalam konteks ekonomi pula, orang Melayu mendapat hak istimewa dalam pelbagai kontrak dan perniagaan. Sebaliknya, orang Cina hanya memperolehnya menerusi konsep 'Ali-Baba.'

## ■5.0 KESIMPULAN

Perspektif orang Cina terhadap agama Islam di Malaysia sangat kompleks. Namun secara umumnya, perspektif mereka terbentuk oleh satu faktor yang dominan iaitu salah faham terhadap Islam. Namun faktor salah faham ini pula berkait dengan permasalahan psikososial orang Cina itu sendiri dan keduanya permasalahan yang berlaku ke atas orang Melayu yang beragama Islam. Antara kedua salahfaham ini, yang menjadi mangsanya adalah agama Islam yang syumul itu. Justeru itu, jurang salahfaham ini boleh dianggap sebagai suatu fenomena yang tidak sihat khususnya pada zaman globalisasi ini. Petunjuk yang jelas adalah, fenomena salah faham ini terus berlarutan menerusi medium yang sangat berpengaruh dewasa ini iaitu internet. Fenomena ini berlaku secara 'senyap' sejak sekian lama dan sejak akhir-akhir ini pelbagai senario yang berlaku memperlihatkan situasi ini semakin serius. Sungguhpun penerangan dan dialog antara agama (Chandra Muzaffar, 2002) dan perkongsian nilai-nilai kebaikan telah dijalankan oleh pelbagai institusi pendidikan (Osman, 1997), NGO dan parti politik namun ia tidak merata dan hanya terfokus kepada golongan tertentu. Situasi ini memberi gambaran bahawa konflik kaum boleh berubah kepada konflik agama-kaum pada masa depan jika tidak ditangani dengan baik, cermat dan bijaksana.

## Rujukan

- Ab. Aziz Mohd Zain. 2003. *Pembangunan Minda Pegawai Masjid. dalam Membangun Institusi Masjid*. Kuala Lumpur: Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan JAKIM.
- Abd Latif Jufri. 2007. *Koleksi Kisah Saudara Baru: Mengapa Aku Memeluk Islam*. Johor Bahru: Master Gifts & Golden Esteem Development Sdn. Bhd.
- Abdul Aziz Bari. 2005. *Islam Dalam Perlembagaan Malaysia*. Kuala Lumpur: Intel Multimedia Publication.
- Abdullah Muhammad Zain. 2000. *Dakwah dan Perubahan Sosial Menuju Alaf Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdul Basir Alias. 2002. *Ancaman Nasionalis Sekular Ekstrim di Malaysia*. Bandar Baru Bangi: As-Syabab Media.
- Abdul Hadi Awang. 2005. *Hadharah Islamiyyah Bukan Islam Hadhari*. Kuala Lumpur: Nufair Street.
- Abdul Rahman Abdullah. 1998. *Pemikiran Islam di Malaysia: Sejarah dan Aliran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. 2003. *Gejala Sosial dalam Masyarakat Islam: Puncak dan Penyelesaian*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Aida Idris. 2008. An Analysis of Malay-Sino Relations in Malaysia. *Asia Social Science Journal*. 4(2): 3–12.
- Aminuddin Ruskam al-Dawamy. 2006. Perspektif Pelajar Cina UTM Terhadap Agama Islam di Malaysia. Dalam Wan Abd Hamid Wan Teh dan Anisah Zainal Abidin (Eds.). *Budaya dan Pemikiran dalam Masyarakat Global: Malaysia dan China*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ann Wan Seng. 2009. *Murtad: Jangan Pandang Sebelah Mata*. Kuala Lumpur: MustRead.
- Anuar Putih. 2006. Khidmat Nasihat dalam Menangani Masalah Saudara Baru. Dalam Fariza Md. Sham, Siti Rugayah Tibek dan Othman talib (Eds.). *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Asrul Zamani. 2002. *The Malays Ideals*. Kuala Lumpur: Golden Books Centre Sdn. Bhd.
- Brown, G. 2005. Making Ethnic Citizens: The Politics and Practice of Education in Malaysia. Dalam *Crisis Working Paper*. No. 23. Centre for research on Inequality, University of Oxford. UK. Hlm. 1–18.
- Chandra Muzaffar. 1997. Islam-Confucianism Dialogue : Its Significance for Ethnic Relations in Malaysia. Dalam Osman Bakar dan Cheng Gek Nai

- (Eds.). *Islam and Confucianism: A Civilizational Dialogue*. Kuala Lumpur: Penerbit UM.
- Chandra Muzaffar. 2002. Common Values of the Religions and Faith in Malaysia. Diakses daripada <http://www.just-international.org/article.cfm?newsid=20000243>, pada 21 Januari 2010.
- Chin, Yee Wah. 2003. *Budaya Keusahawanan Cina Di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Cranton, P. 2006. *Understanding and Promoting Transformative Learning: A Guide for Educators Adults*. 2<sup>nd</sup>. Edition. San Francisco: Jossey Bass.
- Danial Zainal Abidin. 2007. *Islam: The Misunderstood Religion*. 2<sup>nd</sup> Edition. Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. 2008. *Membina Peribadi Muslim*. Kuala Lumpur: Karya Bestari.
- Ezhar Tamam. 2009. Contribution of Interethnic Contact on Interethnic Attitudes of Malay and Chinese-Malaysian University Students in Malaysia. *European Journal of Social Sciences*. 8(1): 51–61.
- Faisal Ibrahim dan Abdul Mua'ti@Zamri Ahmad. 2007. Interethnic Accommodation: An Insight Into the Malaysia Scenario. *The International Journal of the Humanities*. 7(10): 159–164.
- Farahwahida Mohd Yusof, et al. 2008. *Kaedah Penyelesaian dalam Menangani Pertukaran Agama dalam Kalangan Masyarakat Melayu-Islam di Johor, Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*. Laporan Kajian Penyelidikan Vot 78097. Skudai: UTM.
- Fariza Md. Sham, Siti Rayugah Tibek dan Othman Talib (Ed.). 2006. *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Findley, P. 2001. *Silent No More: Confronting America's False Images of Islam*. Maryland: Amana Publications.
- Furnivall, J. S. 1948. *Colonial Policy and Practice: A Comparative Study of Burma and Netherlands India*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Ghazali Basri. 1990. *Christian Mission and Islamic Da'wah in Malaysia*. Kuala Lumpur: Nurin Enterprise.
- Haris Md. Jadi. 1990. *Etnik, Politik dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Idris Endot. 1995. Peranan Psikologi Masyarakat Islam dalam Dakwah Islamiyah. Dalam Sidi Gazalba dan Zainab Ismail (Eds.). *Dakwah Islamiyah Malaysia Masa Kini*. Bangi: Penerbit UKM.
- Ismail Abdul Rahman. 2000. *Gerakan Gereja Katolik di Malaysia*. Bangi: Penerbit UKM.
- Jayum, J. dan Mohammad Agus Yusof. 2008. Ethnic relations in Malaysia: The Aftermath of the 2008 General Elections. Dalam *International Conference of the ARC-Asia Pacific Future Research Network and The Adelaide Asia*. Melbourne. 145–157.
- Khoo, Kay Kim. 2007. The Making of Malaya, 1946–1955: The Fruits of Ethnic Cooperation. Dalam Voon Phing Keong (Ed.). *Malaysian Chinese and Nation Building: Before Merdeka and Fifty Years After*. Kuala Lumpur: Centre for Malaysian Chinese Studies.
- Lam, J. Y. 2004. *Religious Conversion and Reconstruction of Identities: The Case of Chinese Muslim Converts in Malaysia*. Working Paper Series No.74, November 2004. Southeast Asia Research Centre, City University of Hong Kong.
- Lee, Kam Hing & Heng, Pek Koon. 2000. The Chinese in the Malaysia Political System. Dalam Lee Kam Hing & Tan Chee Beng (Eds.). *The Chinese in Malaysia*. New York: Oxford University Press.
- Lee, Kam Hing & Tan, Chee Beng (Eds.). 2000. *The Chinese in Malaysia*. New York: Oxford University Press.
- Lee, Yok Fee. 2009. Kajian Tentang Identiti Orang Cina di Malaysia dari Segi Epistemologi: Ulasan. *SARI*. 22: 167–183.
- Lee, Yok Fee. 2004. Kedinamikan Kecinaan dan Identiti Orang Cina di Malaysia. *SARI*. 22: 167–181.
- Mahayuddin Yahya. 2001. *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahmood Zuhdi Abd Majid. 2003. Sekularisme dan Islamisme: Kemunduran dan Kemajuan Umat. Dalam *Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malaysiakini, 8 Ogos 2010.
- Mansor Mohd Noor, Abdul Rahman Abdul Aziz dan Mohammad Ainuddin Iskandar. 2006. *Hubungan Etnik di Malaysia*. Petaling Jaya: Prentice Hall.
- Maria Zain. 2008. The Misuse and Misinterpretation of Faith in Malaysia. *Harakah*. 9.
- Mazuen Yahaya. 2005. *Islam Pilihanku: Pengucapan Syahadah 39 Insan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Mezirow, J. 1975. *Education for Perspective Transformation: Women Reentry Program in Community Colleges*. New York: Teachers Columbia University.
- Mezirow, J. 1978. Perspective Transformation. *Adult Education*. 28(2): 100–110.
- Mezirow, J. 1991. *Transformative Learning of Adult Learning*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Mezirow, J. 1994. Understanding Transformation Theory. *Adult Education Quarterly*. 44(2): 222–232.
- Mezirow, J. 1995. *Transformation Theory of Adult Learning: In Defense of Lifeworld*. New York: Sunny Press.
- Mezirow, J. 1996. Contemporary Paradigm of Learning. *Adult Education Quarterly*. 46(3): 158–172.
- Mezirow, J. 1997. Transformation Theory to Practice . Dalam Cranton (Ed.). *New Directions for Adult and Continuing Education*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Mezirow, J. 1998. Transformative Learning and Social Actions: A Response to Inglis. *Adult Education Quarterly*. 49(1): 70–81.
- Mezirow, J. 2000. *Learning as Transformation*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Mezirow, J. 2003. Transformative Learning Theory. Dalam Jack Mezirow et al. (Eds.). *Transformative Learning in Practice: Insights from Community, Workplace and Higher Education*. New York: John Wiley & Son.
- Mezirow, J. 2009. *Learning as Transformation*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Minah Harun. 2007. Malay-Chinese Interethnic Communication in Malaysia: An Analysis of Sensemaking in Everyday Experiences. Unpublished Ph.D Dissertation. Ohio University. UMI Digital Proquest Dissertations. <http://wwwlib.umi.com/dissertations/fullcit/3263346>.
- Mohammad Kamil Abd. Majid et al. 2006. *Islam Liberal: Tafsiran Agama yang Kian Terpesong*. Kuala Lumpur: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Mohd Azhar Abd Hamid dan Muhamed Fauzi Othman. 2003. Globalisasi Hilangkan Jatidiri Melayu?. *Jurnal PEMIKIR*. April-Jun 2003. 1–44.
- Mohd Azhar Abd Hamid et al. 2006. Memperkasa Budaya dalam Pembangunan Modal Insan dalam Kalangan Mahasiswa: Satu Kupasan Awal Terhadap Peranan Universiti. *Prosiding Seminar Tamadun Islam Tentang Pembangunan Modal Insan Peringkat Kebangsaan*. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. 26–27 Julai 2006.
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah. 2006. Keharmonian Antara kaum di Malaysia Pasca Merdeka. *Kertas Kerja Seminar Kebangsaan 50 Tahun Merdeka*. Anjuran Persatuan Ulama Malaysia dan YADIM. 29–30 Julai 2006.
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah. 2010. *Nasib Melayu di Bumi Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Mohd Syukri Yeoh Abdullah dan Osman Chua Abdullah. 2003. The Problem of Mu'allaf in Malaysia. *Islamiyat*. 24: 65–84.
- Mohd Yusuf Ahmad. 2003. *Pengajian Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Muhammad Uthman el-Muhammady. 2003. Tauhid Menentang Syirik dalam Fahaman dan Amalan. Dalam *Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nagata, J. L. 1974. What is Malay: Situational Selection of Ethnic Identity in a Plural Society. *American Ethnologist*. 2: 331–350.
- Nash, M. 1991. Islamic Resurgence in Malaysia and Indonesia. Dalam Marty, M.E (Ed.). *Fundamentalism Observed*. Chicago: University of Chicago.
- Nathaniel Tan dan John Lee (Eds.). 2008. *Religion Under Siege?: Lina Joy, the Islamic State and Freedom of Faith*. Kuala Lumpur: Kinibooks.
- Noraini M. Noor. 2007. Polarisation and Inequality in Malaysia: The Future of Malay-Chinese Relations. *Intellectual Discourse*. 15(2): 191–204.
- Noraini M. Noor. 2009. The Future of Malay-Chinese Relations in Malaysia. *Peace Psychology in Asia*. Hlm. 161–172.
- Nuraisyah Chua Abdullah. 2006. *Kisah Saya: Saudara baru*. PTS Publications & Distributors. Sdn. Bhd.
- Osman Bakar dan Cheng Gek Nai (Eds.). 1997. *Islam and Confucianism: A Civilizational Dialogue*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press.
- Osman Chua Abdullah. 1991. Non-Muslim Response Towards Islam in Malaysia: A Case Study in Malaysia. *Unpublished Master Dissertation*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Osman Chua Abdullah. 2005. *Preaching to The Non-Muslim Chinese in Malaysia*. Gombak: Research Centre IIUM.
- Phang, Hooi Eng. 2000. The Economic Role of the Chinese in Malaysia. Dalam Lee Kam Hing & Tan Chee Beng (Eds.). *The Chinese in Malaysia*. New York: Oxford University Press.
- Rabuska, Alvin. 1973. *Race and Politics in Urban Malaya*. California: Hoover Institution Press.
- Ramlee Mustapha et al. 2009. Social Integration Among Multi-Ethnic Student at Selected Malaysian Universities in Peninsular Malaysia: A Survey of Campus Social Climate. *ASEAN Journal of Teaching & Learning in Higher Education*. 1(1): 35–44.
- Razaleigh Muhamat. 2009. Ethnic Relationship of Chinese Muslim Converts and Their Malays Counterpart in Peninsular Malaysia: A Historical Background. *Journal of Human Sciences*. 41(1): 1–39.
- Ridell, P. G. 2005. Islamization, Civil Society and Religious Minorities in Malaysia. Dalam Nathan, K.S and Mohammad Hashim Kamali (Eds.). *Islam in Southeast Asia: Political, Social and Strategic Challenges for the 21<sup>st</sup> Century*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Rosey Wang Ma. 2008. Chinese Muslim in Malaysia: History and development. Dirujuk menerusi

- http://www.islam.org.hk/eng/malaysia/ChineseMuslim in Malaysia.asp. pada 21/4/2009.
- Salfarina Abdul Ghapor, Mohd Zaini Abu Bakar dan Azeem Fazwan Ahmad Farouk. 2009. Explaining Ethnic Relations in Malaysia Through the Concentric Circle Model: Case Studies of the States of Perak and Kelantan, Malaysia. *European Journal of Social Sciences*. 12(2): 252–258.
- Shamsul Amri Baharuddin et al. 2003. *Membina Bangsa Malaysia*. Kuala Lumpur: Jabatan Perpaduan Negara.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2004. Texts and Collective Memories: The Construction of Chinese and Chineseness from Perspective of a Malay. Dalam Leo Suryadinata (Ed.). *Ethnic Relations and Nation-Building in Southeast Asia* Singapore: Institute of Southeast Asian Studies. 109–144.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2005. Islam Embedded: Religion and Plurality in Southeast Asia as a Mirror for Europe. *Asia Europe Journal*. 5(8): 159–178.
- Shamsul Amri Baharuddin. 2008. Many Ethnicites, Many Cultures, One Nation: The Malaysian Experience. Dalam *Kertas Kajian Etnik UKM*. Bil. 2. Bangi: Institut Kajian Etnik (KITA), UKM.
- Sheng, Ye Lin. 2008. *The Chinese Dilemma*. Australia: EastWest Publishing Pty Ltd.
- Sri Rahayu et al. 2009. Ethnic Relations in Malaysia: Problems and Prospects. Kertas kerja yang dibentangkan di World Civic Forum (5–8 Mei), Korea Selatan.
- Stone, Wilbur. P. 2003. The Diffusion of Christianity Among Urban Chinese People in Diaspora: The Case of Metropolitan Kuala Lumpur, Malaysia. PhD yang tidak diterbitkan. Asbury Theology Seminary. UMI Digital Proquest Dissertations. http://wwwlib.umi.com/dissertations/fullcit/3107895.
- Sulaiman Noordin. 1997. *Sejarah Pemikiran: Sumber Ilmu, Perbandingan Ideologi dan Orde Baru Dunia*. Bangi: Pusat Pengajian Umum.
- Suratman Kastin Hasan. 2008. *Kerjasama Ekonomi Umat Islam: Potensi dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Suryadinata, L. (Ed.). 1997. *Ethnic Chinese as Southeast Asians*. Singapore: Institute of Southeast Asian Studies.
- Syed Husin Ali. 2008. *Orang Melayu: Masalah dan Masa Depan*. Kuala Lumpur: Buku Harakah.
- Syed Husin Ali. 2008. *Ethnic Relations in Malaysia: Harmony & Conflict*. Kuala Lumpur: SIRD.
- Tahaneem Ushama dan Abdul Rashid Moten. 2006. Non-Muslim Views About Islam and Muslim in Malaysia: An Empirical Study. Dalam *Intellectual Discourse*. 14( 2): 203–215.
- Tan, Chee Beng. 2000. The Religion of the Chinese in Malaysia. Dalam Lee Kam Hing & Tan Chee Beng (Eds.). *The Chinese in Malaysia*. New York: Oxford University Press.
- USCIRF Annual Report. 2008–Malaysia. Dirujuk menerusi http://www.unchr.org/refworld/country,USCIRF,MYS,4562d8cf2,485569a13c,0.html. pada 19/3/2010.
- Voon, Phing Keong. 2007. Pioneers, Entrepreneurs and Labourers: Building the Social and Economic Foundations of Statehood. Dalam Voon Phing Keong (Ed.). *Malaysian Chinese and Nation Building Before Merdeka and Fifty Years After*. Kuala Lumpur: Centre for Malaysian Chinese Studies.
- Zakaria Stapa. 2003. Akhlak Islam dan Gaya Hidup Muslim Semasa: Analisis Konsep dan Agenda Bertindak. *Jurnal YADIM*. 3: 18.
- Zulkiple Abd Ghani. 2002. Gerakan Dakwah: Satu Takrifan Semula Untuk Melahirkan Islam Progresif. Dalam *Kertas kerja Persidangan Isu dan Proses Pembukaan Minda Umat Melayu Islam*. 29–31 Januari 2002. Di Hotel Puteri Pan Pacific Johor Bahru.
- Zulkiple Abd Ghani. 2002. *Islam, Komunikasi dan Teknologi Maklumat*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.